

**GARIS PANDUAN TEMPOH MASA PEMBETULAN DAN SEMAKAN TESIS/ DISERTASI
PELAJAR PASCA SISWAZAH FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi panduan kepada pelajar pasca siswazah FPI UKM dan penyelia dan/atau pemeriksa dalam/luar mengenai tempoh masa bagi pembetulan dan semakan tesis/disertasi selepas Mesyuarat Peperiksaan Lisan bagi pelajar pasca siswazah Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

2.0 SKOP GARIS PANDUAN

- 2.1 Garis panduan ini meliputi tempoh masa bagi pembetulan dan semakan tesis/disertasi oleh pelajar pasca siswazah FPI UKM dan penyelia dan/atau pemeriksa dalam/luar selepas Mesyuarat Peperiksaan Lisan.
- 2.2 Tempoh masa tersebut dikenakan kepada pelajar yang diputuskan dengan keputusan berikut semasa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Lisan:
- a) Lulus dan;
 - b) Peperiksaan lisan ulangan.

3.0 PROSES KERJA PEMBETUAN DAN SEMAKAN TESIS/ DISERTASI, PELAJAR PASCA SISWAZAH FPI, UKM DALAM TEMPOH PEMBETULAN

- 3.1 Mesyuarat Peperiksaan Lisan Pasca Siswazah FPI boleh memutuskan keputusan peperiksaan lisan calon sama ada:
- a) Lulus, dengan pembetulan, dalam tempoh-tempoh berikut:
 - i) Lulus dan layak dianugerahkan ijazah. Pembetulan tidak melebihi 1 bulan;
 - ii) Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan tidak melebihi 6 bulan. Pembetulan hanya perlu disahkan oleh Penyelia sahaja; atau;
 - iii) Lulus dan layak dianugerahkan ijazah tertakluk kepada pembetulan tidak melebihi 9 bulan. Pembetulan perlu disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam dan/atau Pemeriksa Luar.
 - b) Peperiksaan lisan ulangan

Keperluan peperiksaan lulus dengan pembetulan atau peperiksaan lisan ulangan dibuat selepas selesai sesi pembentangan terbuka, Pengerusi akan membincangkan keputusan akhir peperiksaan lisan tesis/disertasi pelajar bersama Ahli Jawatankuasa tanpa kehadiran Penyelia dan pelajar. Jawatankuasa dikehendaki membuat keputusan berasaskan tiga (3) perkara seperti berikut:

- i) Keputusan peperiksaan lisan tesis/disertasi pelajar;
- ii) Pencapaian hasil pembelajaran pelajar mengikut tahap kelayakan berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia;
- iii) Tahap tesis pelajar.

3.2 Tempoh pembetulan dan semakan tesis/disertasi oleh penyelia dan/atau pemeriksa dalam/luar adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Tempoh masa bagi pembetulan dan semakan tesis/disertasi berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan semasa mesyuarat peperiksaan lisan

Tempoh Maksimum Pembetulan Yang Ditetapkan Oleh Mesyuarat Peperiksaan Lisan	Tempoh Pembetulan Tesis/Disertasi Oleh pelajar Kali Pertama	Tempoh semakan oleh Penyelia dan/atau Pemeriksa (Dalam/Luar)	Tempoh Tambah baik Pembetulan Tesis/Disertasi Oleh Pelajar (jika ada)
1 bulan	2 minggu	1 minggu Semakan Penyelia sahaja	1 minggu Semakan Penyelia sahaja
6 bulan	4 bulan	1 bulan	1 bulan
9 bulan	7 bulan	1 bulan	1 bulan


3.3 UPPS akan memantau pelajar yang melebihi tempoh pembetulan tesis/ disertasi oleh yang ditetapkan.

3.4 Sekiranya tiada maklum balas dari pemeriksa luar/dalam bagi tempoh maksimum semakan penyelia dan/atau pemeriksa dalam/luar, pembetulan tesis/disertasi adalah dianggap diterima dan diperaku oleh penyelia dan/atau pemeriksa luar/dalam.

3.5 Sekiranya tiada tambah baik pembetulan yang perlu dilakukan selepas semakan oleh Penyelia dan/atau Pemeriksa (Dalam/Luar), pelajar boleh menggunakan tempoh berbaki tersebut untuk membuat pengesahan bebas plagiat serta proses semakan Gaya UKM di UPPS, seterusnya menghantar tesis/ disertasi berjilid ke UPPS.

3.6 Tempoh-tempoh ini hendaklah dimaklumkan oleh pengerusi semasa pengumuman keputusan peperiksaan lisan calon berkenaan.

4.0 CARTA ALIR PROSES



5.0 TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ia diluluskan.

6.0 PINDAAN

Garis panduan ini boleh dipinda sebahagiannya berdasarkan keperluan Universiti.

Disediakan oleh :

Urusetia Program Pengajian Siswazah FPI UKM

Jun 2021